

30.3.2026
Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAPP dan PBAHB.

**KEMAS KINI BEKALAN AIR:
BEKALAN AIR DARI SUNGAI MUDA MENCUKUPI UNTUK 2 BULAN
SEKIRANYA TIADA LAGI PELEPASAN AIR DALAM JUMLAH BESAR**

- Dua (2) empangan di Kedah melepaskan air ke Sungai Muda semasa musim kemarau.
- Kapasiti Empangan Muda adalah pada paras 7.19% sehingga 28.3.2026.
- Kapasiti Empangan Beris adalah pada paras 58.06% sehingga 28.3.2026.

PULAU PINANG, Isnin, 30.3.2026: Walaupun cuaca panas dan kering, perkhidmatan bekalan air di Pulau Pinang dijangka stabil pada April dan Mei 2026, dengan syarat tiada lagi pelepasan air secara agresif dari Sungai Muda.

Kapasiti dua (2) empangan di Kedah yang dibina untuk melepaskan air mentah ke Sungai Muda semasa musim panas dan kering adalah seperti berikut:

Empangan Sungai Muda	Kapasiti maksimum: juta liter (JL)	Kapasiti %		
		1.1.2026	20.2.2026	28.3.2026
Empangan Muda	160,000	84.6%	20.0%	7.19%
Empangan Beris Da	122,400	100.0%	78.1%	58.06%
Jumlah	282,400			

Empangan Muda: Kapasiti maksimum Empangan Muda (160,000 ML) adalah kira-kira 74 kali lebih besar berbanding Empangan Air Itam (2,159 ML). Kapasitinya telah menurun dengan ketara sebanyak 71.78% (kira-kira 114,800 ML) dalam tempoh hanya 51 hari dari 1.1.2026 hingga 20.2.2026, disebabkan pelepasan air bagi menyokong pengairan agresif untuk penanaman padi. Sehingga 28.3.2026, kapasiti Empangan Muda berada pada tahap kritikal iaitu 7.19%. Ia tidak lagi dapat melepaskan lebih banyak air ke Sungai Muda.

Empangan Beris: Kapasiti Empangan Beris (122,400 JL) berada pada tahap 100% pada 1.1.2026. Parasnya menyusut kepada 78.1% pada 20.2.2026. Dalam tempoh dari 20.2.2026 hingga 28.3.2026, kapasiti empangan ini terus menurun daripada 78.1% kepada 58.06% dalam tempoh 36 hari. Ini mencerminkan purata kadar

penyusutan sebanyak 0.56% sehari (685 JLH). Pada kadar penyusutan 685 JLH ini, baki simpanan Empangan Beris (71,065 ML) dijangka dapat bertahan selama kira-kira 68 hari sehingga mencapai paras kritikal 20% pada pertengahan atau akhir Jun 2026.

Sehubungan itu, bekalan air di Pulau Pinang dijangka tidak terjejas dalam masa terdekat, dengan syarat tiada lagi pelepasan air yang sama dari Sungai Muda pada April dan Mei 2026, (yang berpotensi menyebabkan simpanan Empangan Beris menyusut lebih awal daripada jangkaan).

Dalam senario semasa Sungai Muda, keutamaan perlu diberikan kepada bekalan air untuk Pulau Pinang dan Kedah sehingga kapasiti Empangan Muda dan Empangan Beris pulih ke paras yang selamat.

Kepentingan Sungai Muda

Sungai Muda merupakan sumber utama air mentah bagi Pulau Pinang dan dikongsi bersama Kedah.

Secara purata, PBAPP mengabstrak kira-kira 1,000 juta liter sehari (JLH) air mentah dari Sungai Muda di Muka Sauk Lahar Tiang, Seberang Perai Utara (SPU), untuk dirawat di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua.

Perlu diberi perhatian bahawa Muka Sauk Lahar Tiang terletak di hilir kepada 14 loji rawatan air (LRA) dan muka sauik pengairan di Kedah.

Pada tahun 2025, purata sebanyak 1,033 JLH air terawat dari LRA Sungai Dua telah dibekalkan kepada kira-kira 465,000 pengguna air di kesemua lima (5) daerah di Pulau Pinang, iaitu Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT), Seberang Perai Selatan (SPS) di tanah besar, serta Daerah Barat Daya (DBD) dan Daerah Timur Laut (DTL) di bahagian pulau.

Pelan Kontingensi Sungai Muda PBAPP 2026 (SMCP 2026)

Sejak akhir Februari 2026, PBAPP telah mengaktifkan Pelan Kontingensi Sungai Muda 2026 (SMCP 2026) berikutan kapasiti Empangan Muda yang telah menyusut ke paras kritikal 20%.

Elemen utama SMCP 2026 adalah seperti berikut:

1. Pengabstrakan maksimum air mentah dari Sungai Muda setiap hari bagi menyokong pengeluaran air terawat yang optimum di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua.
2. Pelepasan air secara strategik dari Empangan Mengkuang Diperbesarkan

(EMD) sekiranya berlaku kekurangan bekalan air mentah dari Sungai Muda. Kapasiti maksimum pelepasan EMD adalah dihadkan kepada 600 JLH.

3. Pelaksanaan berterusan Program *Double Dam Defence Pulau Pinang* (Program D³PI) dengan mengepam kira-kira 407 JLH air terawat dari LRA Sungai Dua ke bahagian pulau bagi memastikan Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang tidak kering.

SMCP 2026 dijangka dapat membantu Pulau Pinang mengharungi cabaran bekalan air sepanjang tahun 2026. Walau bagaimanapun, pelan ini bukanlah satu penyelesaian yang “menyeluruh” kerana kapasiti maksimum pelepasan EMD hanyalah 600 JLH, sedangkan LRA Sungai Dua memerlukan kira-kira 1,000 JLH air mentah untuk beroperasi secara optimum.

Status Empangan di Pulau Pinang

PBAPP telah melaksanakan pengurusan rapi terhadap kapasiti efektif tiga (3) empangan utama di Pulau Pinang sejak 1.1.2023 bagi memastikan kelangsungan bekalan air.

Empangan Pulau Pinang		Kapasiti Efektif		Taburan hujan di KTA 1.1.2026 – 28.3.2026
		1.1.2026	28.3.2026	
1.	Empangan Air Itam	93.9%	69.38%	130mm
2.	Empangan Teluk Bahang	99.0%	84.05%	202.5mm
3.	Empangan Mengkuang Diperbesarkan (EMD)	92.8%	91.24%	351mm

Harap maklum bahawa Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang setakat ini “disokong” oleh pelaksanaan Program D³PI. Kejayaan program ini amat bergantung kepada ketersediaan bekalan air mentah yang mencukupi dari Sungai Muda setiap hari.

Gunakan Air Secara Berhemat Sehingga Musim Hujan Seterusnya

PBAPP ingin memohon kerjasama semua pengguna air di Pulau Pinang agar menggunakan air secara berhemat. Berikutan perubahan iklim, ketibaan musim hujan seterusnya untuk “mengisi semula” simpanan empangan utama di Pulau Pinang dan Kedah ke paras selamat adalah tidak menentu.

Pada tahun 2025, penggunaan air domestik merangkumi kira-kira 55.7% (482 JLH) daripada jumlah keseluruhan penggunaan air di Pulau Pinang (865 JLH). Sehubungan itu, pengguna domestik digalakkan mengurangkan penggunaan air di rumah pada

masa ini bagi memastikan bekalan air mencukupi untuk menyokong semua aktiviti sosioekonomi, termasuk ketika tempoh cuaca panas dan kering yang berpanjangan.

Untuk panduan penjimatan air yang mudah dan praktikal, sila layari www.pba.com.my.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Seksyen Komunikasi Korporat
Email : comms@pba.com.my



28.3.2026 | Kapasiti efektif Empangan Muda @ 7.19% | Effective capacity of Muda Dam @ 7.19%.



28.3.2026 | Kapasiti efektif Empangan Beris @ 58.06% | Effective capacity of Beris Dam @ 58.06%.